

# **Kertas Bil. 102/2015**



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH  
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT  
KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN NEGERI SELANGOR  
YANG KETIGA BELAS  
PADA 17 – 20 OGOS 2015**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERHUBUNG ISU PELUPUSAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AWAM  
KERTAS BILANGAN 41/2015**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PELUPUSAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AWAM YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KE<sup>1</sup>  
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Ulasan/Tindakan MMKDN	
			Diterima	Ditolak
4.1	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PELUPUSAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AWAM	<p>1. Bagi kutipan sampah domestik di kawasan kediaman bertanah (<i>landed property</i>) yang melebih jumlah biasa (sampah-sampah domestik selepas satu-satu majlis keraiian), Jawatankuasa mencadangkan supaya PBT di Selangor boleh memberikan perkhidmatan penyewaan tong-tong sampah besar kepada penduduk.</p> <p>2. Bagi tujuan ini, PBT boleh memberikan perkhidmatan menyewa tong sampah besar (berkapasiti enam ratus enam puluh (660) liter dan ke atas) dengan kadar Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM 30) bagi satu buah tong supaya proses pembuangan sampah menjadi lebih teratur.</p> <p>3. Jawatankuasa menyarankan supaya pihak PBT perlu memastikan cara dan kaedah permohonan bagi penyewaan tong-tong ini dapat dilakukan dengan mudah oleh penduduk.</p> <p>4. Jawatankuasa menyarankan supaya kesemua sampah ini, sama ada diletakkan di dalam tong atau sebaliknya untuk dikutip oleh pihak kontraktor.</p> <p>5. Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri supaya dapat mengarahkan semua PBT untuk memastikan</p>	Saranan 1 hingga 3 dJP-PBT diambil maklum dan dipanjangkan kepada PBT	

1 | P & G E

EAN YONG HIAN WAH  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)  
Selangor Darul Ehsan

Saranan 5- Pekara ini telah dijadikan salah satu syarat dalam skop pembersihan awam oleh PBT dikehawasian – kawasan operasi. Manakala bagi

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PELUPUSAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AWAM YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015**

Bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Utasan/Findakan MMINKN
		<p>kontraktor-kontraktor pembersihan yang mengutip sampah pukal dan sampah kebun yang dilantik untuk turut mengutip semua sampah kebun dan pukal yang dibuang oleh penduduk secara percuma dengan mengaplikasikan konsep 'general taxpayers pay'.</p> <p>6. Jawatankuasa merasakan bahawa adalah perlu bagi Kerajaan Negeri untuk memberi peruntukan tambahan kepada PBT sekiranya berlaku kekangan kewangan supaya kerja-kerja pengutipan dan pelupusan sampah dapat berjalan dengan lancar.</p> <p>7. Jawatankuasa menyokong cadangan untuk mengasingkan sampah yang boleh di kitar semula dan sampah biasa (general waste) dan juga ingin menyarangkan satu projek atau inisiatif yang sama dapat dilaksanakan dengan menggalakkan penduduk supaya mengasingkan sampah pukal dan sampah kebun bagi memudahkan urusan pelupusan di mana sampah kebun boleh dihantar untuk proses pengkomposan.</p> <p>8. Jawatankuasa menyayarkan supaya semua PBT di Selangor dapat menyediakan tong-tong 'E-Waste' di PKS ataupun kawasan-kawasan yang mudah untuk diakses oleh masyarakat umum. Jawatankuasa mencadangkan PBT supaya dapat melakukan kolaborasi bersama pusat-pusat nembeli belah di dalam kawasan mereka dengan meletakkan tong-</p>			<p>PBT yang berkemampuan dari segi kewangan perkhidmatan ini turut dipanjangkan ke kawasan pentadbiran masing masing secara percuma</p> <p>Saranan 7- Kerajaan Negeri telah meluluskan Projek Perinitis Kitir Semula yang dilaksanakan di 4 PBT iaiti MBPJ, MPKj, MPAj dan MDHS dimana tujuan utama projek adalah untuk menilai kaedah terbaik dalam pengasingan samapan di sumber.</p> <p>Saranan 8- JP-PBT diambil maklum dan dipanjangkan kepada PBT</p>

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PELUPUSAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AWAM YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENG GAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015**

Bil.	Tajuk Penyata	Tong 'E-Waste' tersebut di premis mereka.	Saranan		Ditelaah Ditolak	Ulasan/Tindakar MMKNN
			Ditelaah	Ditolak		
		<p>9. Jawatankuasa menyarankan supaya kutipan bagi sampah domestik dapat dilakukan pada setiap hari di semua kawasan perumahan bersifat termasuklah rumah-rumah pangsa kos rendah, apartmen berservis, kondominium dan sebagainya.</p> <p>10. Jawatankuasa menyarankan supaya kutipan bagi sampah kebun dan pukal juga dapat dilakukan di semua kawasan perumahan bersifat termasuklah rumah-rumah pangsa kos rendah, apartmen berservis, kondominium dan sebagainya supaya satu sistem perkhidmatan yang adil dapat diberikan kepada semua penduduk di Selangor.</p> <p>11. Bagi mengurangkan kos para kontraktor, Jawatankuasa menyarankan supaya pihak PBT dapat membina lebih banyak '<i>in house transfer station</i>' bagi memudahkan kontraktor-kontraktor kecil yang dilantik oleh pengusaha-pengusaha kawasan komersial dan industri untuk melupuskan sampah pulak dan binaan (tidak termasuk sampah domestik) mereka. Sampah-sampah ini kemudiannya bolehlah dibawa untuk dilupuskan ke Pusat Pelupusan Utama yang biasanya terletak agak jauh dari kawasan-kawasan berpenduduk.</p>		Saranan 9 dan 10- Kekerapan kutipan adalah bergantung kepada kemampuan kewangan PBT		Saranan 11- diambil maklum dan dipanjangkan kepada PBT

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU  
PELUPUSAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AWAM YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KOGIGA  
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015**

Bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MWNKIN
		<p>12. Jawatankuasa juga menyarankan supaya pihak Kerajaan Negeri saama ada melalui PBT atau Seksyen PBT Unit Perancang Ekonomi Negeri (SPBT UPEN) perlu bersedia dengan kontraktor 'in house' atau sebuah panel kontraktor 'stand by' bagi menggantikan tugas kontraktor-kontraktor yang gagal menjalankan tugas mereka mengikut jadual dan terma-terma yang dipersejuaui dalam kontrak perkhidmatan mereka dalam masa dua puluh (24) jam.</p> <p>13. Bagi memastikan kontraktor-kontraktor yang dilantik melaksanakan tugas-tugas mereka selaras dengan skop tugasan yang dipersejuaui dalam kontrak perkhidmatan mereka, Jawatankuasa menyayarkan supaya setiap PBT melantik pemantau bagi tujuan ini dan pemantau-pemantau ini perlulah dikawal selia oleh PBT melalui seorang Ketua Pemantau.</p> <p>14. Kerajaan Negeri juga disarankan untuk melantik Syarikat Audit untuk mengaudit prestasi kontraktor-kontraktor tersebut dan memastikan laporan mereka sama dengan laporan yang dikeuarkan oleh pemantau PBT. Ini juga dilihat sebagai satu mekanisme untuk memantau pasukan pemantau PBT.</p> <p>15. Kerajaan Negeri melalui PBT disarankan untuk memberikan penerangan melalui brosur atau 'billboard' yang menerangkan secara lengkap</p>			<p>Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan Special Purpose Vehicle (SPV) dimana SPV yang dilantik berperanan untuk membantu Kerajaan Negeri melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu yang meliputi beberapa skop kerja utama, iaitu :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan kuiutan sisa pepejal (sisa domestik, sampah pukal, sampah kebur, sampah hararam)</li> <li>Pengurusan perkhidmatan pembersihan awam (longkang, jalan utama/jalan awam, sampah tabur, rumput, sampah tanan)</li> <li>Pengurusan perkhidmatan pembersihan tanan awam dan tandas awam</li> <li>Pengurusan perkhidmatan pembersihan Pasar Awam, Pusat Penjaja Awam, Pasar Malam, Pasar Tani dan Pasar Pagi</li> <li>Pengurusan dan pembersihan pantai awam</li> <li>Pengurusan dan pembersihan sungai</li> <li>Pengurusan kenderaan buruk</li> <li>Pengurusan pembersihan parit monsun</li> </ol> <p>Dengan penubuhan SPV ini , satu suatu sistem penilaian prestasi pengurusan sisa pepejal (<i>Key Performance Indicator-KPI</i>) sebagai penetapan</p>

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATAN KUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PELUPUSAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AWAM YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KOGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015**

Bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan Mungkin
		prosedur pelupusan kesemua jenis sampah (domestik, keraian, pukal, sisa binaan, industri, e-waste, komersial) yang betul di dalam semua bahasa termasuk bahasa asing yang berkenaan (seperti Bengali, Myanmar, Nepal dan sebagainya) secara maya matupun 'hard copy'.			tahap perkhidmatan bagi pengurusan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam akan diwujudkan dimana antara aspek utama yang akan menjadi fokus adalah;
16.		Kerajaan Negeri juga perlu memikirkan cara untuk mengurangkan jumlah sampah yang dijana melalui program-program pendidikan secara berterusan, kempen dan sebagainya.	i)		Tahap perkhidmatan Memastikan semua kawasan sisa pepejal mencapai KPI operasi sekurang-kurangnya 80% pematuhan jadual kutipan seperti di Jadual 1 berikut dan kriteria-kriteria lain yang telah ditetapkan serta penyeragaman kekerapan kutipan
17.		Bagi tanah-tanah kosong dan rumah/hartanah terbiasa yang dijadikan tapak pelupusan haram, pemilik sendiri perlu bertanggungjawab terhadap tanah/rumah/hartanah milik mereka. Sekiranya gagal maka Kerajaan Negeri tidak seharusnya teragak-agak untuk menyita tanah/rumah/hartanah tersebut menurut peruntukan Kanun Tanah Negara. Jawatankuasa juga menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat membangunkan tanah-tanah kerajaan/tanah-tanah rizab yang terbiasa agar ia tidak dijadikan kawasan pembuangan sampah haram.	ii)		Penyediaan Logistik Memastikan semua kontraktor menyediakan keperluan logistik mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dari segi rekabentuk, saiz dan jumlah krew yang terlibat. Contohnya seperti ketepatan penggunaan kompaktor yang dilengkapi peralatan sesuai (contoh : bandilifter) dan berusia tidak lebih daripada tujuh (7) tahun sahaja yang dibenarkan untuk beroperasi bagi mengelakkan tumpahan leachate.
18.		Sekiranya seseluar PBT itu mempunyai unit pelupusan sampah mereka sendiri 'in-house unit', PBT tersebut perlu memastikan unit tersebut mempunyai kelengkapan yang lengkap bagi melaksanakan tugas-tugas	c)		Pengurusan Aduan Awam Mewujudkan suatu sistem pengumpulan maklumat bersepadu dan menyeluruh supaya tindakan dapat diambil dalam tempoh 24 jam selepas menerima aduan awam di kawasan masing-masing. Akses

EAN YONG HIAN VAH  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)  
Sekanjur Dorul Etcan



**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU  
PELUPUSAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN AWAM YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KOTIGA  
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015**

Bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN
		<p>maupun pembersihan awam secara efektif.</p> <p>19. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat memikirkan cara untuk mengurangkan masa menunggu di <i>Transfer Station Shah Alam</i> supaya lori yang terpaksa menunggu selama lebih dari satu jam dapat digunakan secara lebih produktif.</p> <p>Bagi mengurangkan kesesakan di Tapak Pelupusan Jeram dan Shah Alam, Jawatankuasa menyarankan supaya kawasan-kawasan seperti kawasan utara MBSA dan MBPJ dapat mengguna pakai Tapak Pelupusan Sampah Bukit Tagar.</p> <p>20. Bagi membolehkan PBT mengawal dan memantau selia kontraktor-kontraktor swasta yang dilantik oleh pengusaha-pengusaha komersial dan industri untuk melupuskan sisa industri/binaan/komersial, Jawatankuasa menyarankan Kerajaan Negeri supaya PBT mempunyai panel kontraktor yang bekelayakan dan mempunyai status kewangan yang kukuh serta kelengkapan yang sesuai untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Para pengusaha hanya boleh menggunakan khidmat kontraktor panel yang diluluskan oleh PBT.</p> <p>21. Jawatankuasa juga menyarankan supaya Kerajaan Negeri dapat membuat perempadaan di antara kawasan bandar dan luar bandar. Ini membolehkan</p>			<p>untuk paparan barisan EXCO Kerajaan Negeri, juga kepada semua PBT akan diberikan untuk maklumbalas segera.</p> <p>Manakala PBT masih akan terus membantu Kerajaan Negeri dan SPV dari masa ke semasa jika terdapat halangan yang dihadapi yang memerlukan tindakan di bawah bidang kuasa PBT. PBT juga akan bertindak sebagai pemantau bersama dengan syarikat SPV bagi pelaksanaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan lebih efektif,</p>

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PELUPUSAN SAMPAH DAN MEMBERSIHAN AWAM YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KOGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015**

---

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ujasan/Tindakan MMIN
		<p>satu standard pembersihan awam diguna pakai bagi kesemua agensi, tidak kira sama ada JKR, JPS, TNB atau sebagainya di kawasan bandar tersebut.</p> <p>Sebagai contoh, kekerapan memotong rumput adalah sebanyak dua (2) kali sebulan dan sebagainya.</p>			